

MRSM melahirkan pelajar pintar cerdas dan berbakat

TRANSFORMASI untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju memerlukan kepada modal insan berpengetahuan, berkemahiran tinggi, menguasai pelbagai bidang ilmu dan kompetitif bukan sahaja di arena tempatan malah sehingga ke peringkat global. Ia juga bersesuaian dengan Model Baru Ekonomi (MBE) untuk melahirkan modal insan serba boleh, inovatif dan kreatif supaya mereka mempunyai watak yang sesuai untuk bersaing di persada antarabangsa.

Untuk itu, sistem pendidikan di 45 buah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) melibatkan lebih 32,000 pelajar telah digubal untuk menghasilkan modal insan berkualiti, mempunyai nilai keusahawanan, bercirikan Ulul Albab dan seterusnya mampu muncul sebagai Nobel Laureate satu hari nanti. Selain itu, MRSM masih kekalkan teras pengajaran bidang Sains dan Matematik sebagaimana matlamat asal penubuhan MRSM sejak 1972.

Pelajar-pelajar MRSM dibentuk untuk mempunyai personaliti terpuji, berakhlak mulia, cemerlang serta berdaya saing yang menjurus mereka kepada bakal-bakal saintis profesional bertaraf Nobel Laureate, usahawan tekno dan pemimpin dalam pelbagai bidang yang bukan sahaja berjaya di dunia tetapi juga di akhirat.

Matlamat pendidikan MARA ialah melahirkan tenaga kerja Bumiputera berdaya saing dan mempunyai pegangan nilai sejagat dan agama yang kukuh, berkemahiran teknikal, berorientasi keusahawanan serta berkeupayaan memberi sumbangan kreatif di samping mampu memberi sumbangan tinggi dalam k-eonomi.

Bagi menyayakan hasrat dan matlamat murni ini, MARA mewujudkan Sistem Pendidikan MRSM yang mempunyai ciri-ciri budaya cemerlang akademik dalam suasana kreativiti dan inovasi supaya mereka boleh berdiri sama tinggi dengan pelajar lain di peringkat antarabangsa.

Apa yang dilakukan oleh MRSM kini ialah dengan melaksanakan beberapa bidang kursus dan kemahiran baru bagi memperluas kurikulum, pendedahan kepada kemahiran

penyelidikan dan kajian di samping men-eroka potensi diri berdasarkan minat dan bakat. Pengajaran bahasa asing seperti Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin membolehkan para pelajar menguasai ilmu dan meneroka alam ini dengan lebih meluas.

"Apa yang menarik lagi ialah kita turut melaksanakan sistem penanda aras Antarabangsa. Sistem penilaian di MRSM menggunakan sistem Purata Nilain Gred (PNG) atau *Grade Point Average* (GPA) sejak 1987, kita juga memberi peluang kepada pelajar berkebolehan untuk mengambil peperiksaan *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE). Melalui pendekatan ini mereka dapat mengikuti program di universiti terkemuka di luar negara lebih awal.

"Selain itu, ia juga membolehkan pelajar-pelajar kita mempunyai nilai tambah dan menepati ciri-ciri pemilihan ke 10 universiti terkemuka dunia seperti Universiti Oxford dan Universiti Cambridge," kata Pengarah Pendidikan Menengah MARA, Mohd Saroni Kasmani (gambar).

Melalui falsafah pendidikan MRSM, kita dapat melahirkan pelajar yang unik, istimewa, berprestasi tinggi, mempunyai ciri-ciri kepimpinan, berdiskiplin dan apa yang penting lagi mempunyai karakter tersendiri atau *towering personality*," katanya.

"Sistem pendidikan MRSM ini ingin melahirkan pelajar yang berprestasi tinggi di samping menyediakan ahli profesional atau teknokrat yang mempunyai integrasi ilmu sains dan tahfiz melalui Program Ulul Albab.

"Nilai teras pendidikan di MRSM ialah untuk melahirkan mereka yang saintifik, independen, kreatif, amanah dan patriotik atau SIKAP" katanya.

Hasilnya, pelajar-pelajar yang keluar daripada MRSM adalah seorang yang berpersonaliti unggul, berwawasan, berkepercayaan dan mampu menguasai sekurang-kurangnya empat bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, bahasa Arab dan Mandarin.

Ia dilaksanakan dengan berlandaskan prinsip pendidikan pintar cerdas dan pendekatan



MENTERI Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Shafie Apdal beramah mesra bersama para pelajar di majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM 2010 MRSM, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

pembelajaran melalui penyelidikan dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Pembangunan kurikulum penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan MRSM sememangnya mempunyai keterbezaan dalam kurikulumnya untuk memastikan pelajar diasuh dalam sistem akademik yang holistik.

Perkongsian pintar dilakukan secara berturan dengan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta serta syarikat tempatan dan luar negara bagi melaksanakan kurikulum kreativiti dan menerapkan elemen ini secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran.

"Kita juga melaksanakan kursus kemahiran berfikir sebagai satu subjek wajib dengan menerapkan elemen berfikir dan penyoalan secara kreatif dan kritis dalam semua subjek," katanya.

Mohd Saroni berkata, pihaknya juga menawarkan kursus komputer berteraskan kurikulum National Computing Centre (NCC) Education, United Kingdom kepada pelajar-pelajar supaya mereka mendapat pengetahuan dan kemahiran terkini bagi melengkapkan diri untuk bersaing di peringkat global.

"Kita juga mewujudkan persekitaran dan suasana berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar supaya mereka mampu menguasai

bahasa tersebut dengan baik, menyediakan iklim pembelajaran yang selamat dan kondusif bagi membangun daya intelek, kreativiti, inovasi, emosi, rohani dan jasmani pelajar."

Beliau berkata, semua ini dilaksanakan dengan menggunakan Model Pengayaan Menyeluruh atau *Schoolwide Enrichment Model* (SEM). Kita melakukan modifikasi kurikulum, pecutan dan pendalaman bagi memenuhi kehendak pendidikan pintar cerdas dan pembangunan bakat.

Dari segi perkhidmatan pendidikan, penge-tua perlu mengamalkan kepimpinan instruksional dan transformasi, berpengetahuan tinggi, berkemahiran, profesional, patriotik, penyayang, holistik dan budaya kerja cemerlang.

"Dari segi pembangunan pelajar, program yang dirancang menjamin kecemerlangan minda, jasmani, rohani, emosi dan sosial pelajar, mengaplikasikan ilmu dan kemahiran secara formal atau tidak formal," katanya.

Mohd Saroni juga berkata, MRSM juga berhasrat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai personaliti hebat dan unggul.

Melalui program Ulul Albab yang dilaksanakan di tiga buah MRSM iaitu Kota Putra, Terengganu; Gemencheh, Negeri Sembilan dan Kepala Batas, Pulau Pinang akan dapat

Antara Ikon Kecemerlangan MRSM

Datuk Razali Ibrahim
Timbalan Menteri Belia dan Sukan
MRSM Terendak

Datuk Kamarudin Meranun
Pengasas Bersama dan
Group Deputy CEO Air Asia
MRSM Kuantan

Mohd Anuar Taib
Pengerusi Shell Malaysia MRSM Muar

Datuk Paduka Ismee Ismail
Pengarah Urusan Kumpulan
dan CEO Tabung Haji
MRSM Seremban

Datuk Mohd Zizzaddin Idris
Managing Director UEM Group
MRSM Seremban

Datuk Dr. Mohd Azhari Yakub
Ketua Pakar Bedah Kardiotorasik, IJN
MRSM Kota Bharu

Penerima Anugerah Maktab Rendah Sains MARA Terbaik SPM 2010

- MRSM TERBAIK SPM 2010 KATEGORI BUKAN MRSM PROGRAM KHAS PENDIDIKAN (PKP)**
Tempat pertama : MRSM Langkawi
Tempat kedua : MRSM Kuala Kubu Bharu
Tempat ketiga : MRSM Kubang Pasu
- MRSM TERBAIK SPM 2010 KATEGORI MRSM PROGRAM KHAS PENDIDIKAN (PKP)**
* MRSM Pengkalan Chepa
- ANUGERAH TERBAIK SPM 2010 KATEGORI SEKOLAH BANTUAN PENUH KERAJAAN**
* MRSM Pengkalan Chepa

melahirkan pelajar-pelajar huffaz. Katanya, melalui program ini pelajar bukan sahaja mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang ilmu masing-masing malah program Ulul Albab ini merupakan pembelajaran yang mengintegrasikan aktiviti agama termasuk Tahfiz al-Quran dan akademik secara bersepadu untuk mendidik dan melahirkan bakal ulama, cerdik pandai dan cendekiawan yang menguasai ilmu dunia dan akhirat dalam satu masa.

Pelajar MRSM cemerlang SPM A+ semua subjek dirai

SERAMAI 30 orang pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang mendapat A+ dalam semua mata pelajaran telah diraikan pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2010 di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur yang disempurnakan oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Pelajar-pelajar MRSM sekali lagi membuktikan mereka memperoleh keputusan cemerlang tertinggi dalam peperiksaan SPM yang diumumkan baru-baru ini.


Di samping keputusan cemerlang, MRSM Pengkalan Chepa mencatat keputusan terbaik peringkat MRSM Program Khas Pendidikan (PKP) serta terbaik di kalangan semua sekolah bantuan penuh kerajaan.

MRSM Langkawi yang memperoleh gred purata maktab 1.3338 merupakan MRSM terbaik di kalangan 35 buah MRSM biasa.

Keputusan membanggakan ini buktikan keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran sistematik serta keupayaan tenaga pendidik MARA bertaraf global.

Pelajar cemerlang MRSM, Nurfaridah Muhammad Reza berkata, kejayaannya diperoleh hasil semangat kental untuk belajar bersungguh-sungguh serta dorongan berterusan dari ibu bapa dan guru-guru di MRSM Kuala Berang.

Katanya, beliau bersyukur kerana guru-gurunya mendidik dengan semangat dedi-



NURFARIHAH MUHAMMAD REZA **MUHAMMAD HASIF MALIK** **SYAZWAN AIMAN SOBRI** **RAY JACKWEL JOHNNY** **MUHAMMAD ZAHIR ISMAIL** **NUR ADIBAH BADRUL HISHAM**

kasi yang tinggi sehingga mencetuskan kejayaan cemerlang yang diperolehinya.

"Saya berterima kasih kepada guru-guru yang memberi semangat yang tinggi kepada saya sehingga memperoleh keputusan 11A+ dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia," kata pelajar dari Kemaman itu.

Hasil dari kejayaan cemerlang, beliau diterima untuk melanjutkan pelajaran di Pusat Asasi Sains Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dalam bidang perubatan.

Beliau yang pernah menjadi johan debat MRSM se-Malaysia juga menganggap aktif dalam kokurikulum tidak menghalangnya untuk cemerlang dalam pelajaran.

Pelajar MRSM Kubang Pasu, Choo Yen Yee berkata, beliau seronok belajar di MRSM walaupun kebanyakan pelajarinya dari kalangan Bumiputera.

Beliau yang memperoleh 10A+ dalam keputusan SPM berkata, jika merasakan mata pelajaran itu sukar perlu selalu bertanya guru supaya mudah memahaminya dan sentiasa melakukan kerja sekolah sendiri dan selalu membuat latihan tubi" katanya yang berasal dari Tapah, Perak dan bercita-cita menjadi seorang Jurutera Kimia.

Pelajar MRSM Tawau, Ray Jackwel Johnny yang berasal dari Tawau berkata, beliau kagum dengan sikap guru-guru MRSMnya walaupun tegas tetapi mesra dengan pelajar.

Katanya, hasil dari nasihat dan dorongan dari gurunya membuatnya selalu membuat kerja sekolah dalam waktu yang ditetapkan.

"MRSM menggalakkan pelajarinya belajar secara kumpulan kerana dengan ini dapat mempertingkatkan kefahaman dan daya

ingatan saya," katanya yang memperoleh 9A+ dalam keputusan SPM dan bercita-cita untuk menjadi seorang doktor pakar tulang.

Diyana Najwa Nor Azmi yang memperoleh keputusan 10A+ dalam SPM berkata, beliau di MRSM mempunyai banyak kelebihannya kerana institusi ini mengamalkan sistem pembelajaran yang menarik.

Malah katanya, beliau bernasib baik kerana terpilih menjadi pengawas perpustakaan yang membolehkannya mempunyai banyak masa membaca buku.

Syazwan Aiman Sobri dari MRSM Tun Ghaffar Baba berkata, kejayaannya memperoleh 10A+ dalam keputusan SPM disebabkan fokus pembelajaran di MRSM memang diurus dengan baik.

Katanya, program pembelajarannya tersusun dengan baik di samping guru-gurunya

yang dedikasi dan sentiasa membantu pelajar terutama dengan memberikan latihan intensif semasa hampir dengan peperiksaan.

Beliau berkata, selain itu, ia memberi kebebasan kepada pelajar berkreatif dan bersukan. Daya kreativiti Syazwan berjaya ke pertandingan *International Sustainable World Energy, Engineering and Environment Project* (I-SWEEP) Olympiad 2010 melalui projek kelapa sawit sebagai bio ethanol di Houston, Texas, Amerika Syarikat.

Muhammad Zahir Ismail yang memperoleh 10A+ dalam peperiksaan SPM pula berkata, suasana yang lebih kompetitif, terjaga dan warden asrama yang banyak membuat kelas tambahan banyak membantunya memperoleh kejayaan cemerlang.

Muhammad Hasif Malik yang memperoleh 9A+ dari MRSM Tun Ghaffar Baba berkata, beliau kagum dengan cara sekolahnya mengadakan program pecutan di semester kedua untuk membolehkan pelajar-pelajarnya cemerlang dalam peperiksaan.

Katanya, cara pembelajaran di MRSM banyak perbezaannya kerana ia bukan sahaja mementingkan pencapaian pendidikan malah pembentukan sahsiah diri.

Nur Adibah Badrul Hisham yang memperoleh 9A+ dalam keputusan SPM baru-baru ini berkata, sikap untuk membea kehidupan keluarga mendorongnya mencapai kejayaan.

Program Ulul Albab MRSM lahirkan Sarjana Islam

PROGRAM Ulul Albab yang dilaksanakan di tiga buah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) diwujudkan untuk melahirkan pelajar cemerlang akademik dan dalam masa yang sama turut mampu menghafaz keseluruhan al-Quran sepanjang pengajian mereka di MRSM.

Malah, pelajar-pelajar yang mengikuti program ini bukan setakat mampu menghafaz malah berkeupayaan mentafsir ayat-ayat suci tersebut dengan baik.

Ulul Albab merupakan pembelajaran mengintegrasikan aktiviti agama termasuk Tahfiz al-Quran dan akademik secara bersepadu dan bersestematik untuk mendidik dan melahirkan bakal ulama, cerdik pandai dan cendekiawan yang menguasai ilmu dunia dan akhirat dalam satu masa.

Teras pengajian program ini masih lagi berpaksikan kepada sains dan matematik seperti pelajar lain. Matlamat utama program ini adalah untuk melahirkan pelajar yang bercirikan quranik iaitu memahami al-Quran serta menghayatinya, pengekspedik iaitu mereka yang berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang dan juga ijthadik iaitu mereka yang mampu mengeluarkan pandangan untuk menyelesaikan permasalahan umat masa kini.

Melalui program ini juga, MARA berhasrat untuk melahirkan generasi ulama' dan ilmuwan Islam serta saintis yang mempunyai keupayaan ilmu

dalam pelbagai bidang. Ini merupakan tradisi ilmu Islam di mana para ulama' dahulu turut pakar dalam bidang sains dan teknologi seperti Ibnu Sina, al-Farabi dan lain-lain lagi di era kegemilangan Islam satu ketika dahulu.

Menurut pelajar MRSM yang mengikuti program Ulul Albab ini, penghafalan al-Quran mempunyai kesan tersendiri terhadap daya ingatan seseorang kerana ia terbukti turut mencemerlang lagi pencapaian akademik.

Sebanyak empat pelajar buat pertama kalinya menerima Anugerah Al-Huffaz Program Ulul Albab yang dijalankan di MRSM Kota Putra, Terengganu.

"Saya bersyukur kerana dapat menamatkan menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh dua tahun dua bulan sahaja," kata Nur Afifah Zaki, 15 tahun dari Terengganu.

Katanya, pada awalnya beliau mampu menghafaz satu muka al-Quran dalam sejam tetapi selepas itu ia dapat dipercepatkan lagi kepada satu muka al-Quran dalam masa 30 minit.

"Saya tidak ada apa-apa rahsia kerana saya pada awalnya belajar di sekolah biasa dan bukan dari sekolah agama," katanya ketika ditemui di Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM Maktab Rendah Sains MARA 2010 di sini hari ini. al-Quran mengandungi 604 muka surat dengan



SOLAHUDDIN, Nur Afifah, Nur Atiqah dan Amril Syafiq bersama sijil Anugerah Al-Huffaz Program Ulul Albab, di Kuala Lumpur.

6236 ayat.

Ketika ditanya bagaimana dia dapat menghafal begitu cepat, Nur Afifah berkata, menghafalan al-Quran perlu dilakukan secara berterusan dengan rasa dan semangat cinta untuk mendalami ayat Allah itu.

"Saya selalu menghafaz sebelum waktu subuh kerana di situ terdapat keheningan dan kedamaian. Saya berterima kasih kepada ustaz dan ustazah di MRSM Kota Putra yang banyak membantu saya dalam penghafalan ini," katanya.

lulah memberi perhatian terhadap pengambilan makanan untuk memastikan kekuatan daya ingatan pada tahap terbaik.

"Saya selalu minum susu, kismis dan madu kerana makanan ini dapat menguatkan ingatan. Memakan makanan masam antaranya boleh mengurangkan daya ingatan," katanya.

Beliau berkata, masa terbaik untuk menghafaz al-Quran ialah pada waktu Maghrib dan sebelum dan selepas waktu Subuh kerana di waktu itu digalakkan kita beribadah dan menikmati suasana keheningan malam.

Nur Atiqah Mohd Yunus dari Kota Bharu, Kelantan berkata, beliau menganggap menghafaz al-Quran dalam ayat yang panjang lebih mudah berbanding ayat pendek.

Katanya, beliau mengambil masa selama empat tahun untuk menghafaz al-Quran dengan tafsirannya sekali kerana minatnya yang mendalam sejak dari kecil lagi.

"Saya mula menghafaz sejak dari Tingkatan Satu lagi kerana saya memang berminat untuk menghafaz al-Quran," katanya.

Beliau berkata, menghafaz ayat suci ini perlu dilakukan secara berulang-ulang kerana dengan itu memudahkannya mengingati sesuatu kalimah.

"Saya mampu menghafaz satu muka surat dalam masa setengah jam dan ia boleh ditingkatkan lagi jika membacanya secara kumpulan kera-

na ada pihak yang boleh menyemak dan menilai tahap pembacaan tersebut," katanya.

Beliau mengambil masa selepas waktu Maghrib dan pada waktu pagi untuk menghafaz ayat-ayat suci tersebut.

"Saya mengambil masa membaca al-Quran antara dua hingga tiga jam sehari. Untuk menguatkan ingatan saya selalu makan buah kismis," katanya.

Solahuddin Idris, 17 tahun dari Jertih, Terengganu berkata, beliau mengambil masa empat tahun untuk menghafaz 30 juzuk al-Quran.

Katanya, beliau mengambil masa selama dua jam sehari untuk menghafaz 6236 ayat suci tersebut dan banyak kebaikan yang diperoleh terutama rasa ketenangan jiwa.

"Semua ini hasil dari dorongan guru-guru dan ibu bapa kerana adik beradik saya yang lain juga turut sama menghafaz al-Quran," katanya.

Ketika ditanya apa halangan yang mengganggunya semasa proses menghafaz, beliau berkata, ada kalanya wujud rasa keletihan dan ini semua diatasi dengan melakukan senaman bagi merehatkan badan.

"Saya berasa tenang hati apabila membaca ayat-ayat al-Quran kerana ayat suci ini sebenarnya penenang jiwa dan ia boleh memberi kesan terhadap pencapaian akademik yang baik semasa belajar di MRSM," katanya.